



فجابة ستياؤسها کراجان نکري کلتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)15/3 JLD.2 (31)

Bertarikh : 11 Ramadhan 1441H

4 Mei 2020

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YB.Dato'/ YBhg.Dato'/ Tuan / Puan,

**PENGGUNAAN APLIKASI MYTRACE BAGI MENGAWAL PENULARAN
WABAK COVID-19**

Dengan hormatnya saya merujuk Surat Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi rujukan: MESTECC.100-23/3/1 (32) bertarikh 30 April 2020 mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui kerjasama strategik di antara Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), MIMOS Berhad, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC); bersama-sama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) DAN Google telah membangunkan aplikasi MyTrace iaitu aplikasi pengesahan kontak (*contact tracing*) menggunakan ciri *bluetooth* bagi mengawal penularan COVID-19.

3. Untuk makluman YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan, aplikasi MyTrace merupakan aplikasi mudah alih pengesahan kontak (*contact tracing*) yang menggunakan pendekatan "dorongan masyarakat" (*community driven*) di mana telefon bimbit


pengguna akan saling bertukar maklumat apabila berada dalam jarak 1-10 meter bergantung kepada capaian *bluetooth* telefon bimbit pengguna. MyTrace membolehkan identifikasi individu yang mempunyai kontak rapat (*close contact*) dengan individu yang disahkan positif COVID-19. Fungsi ini penting bagi membolehkan pihak KKM mengesan dan menghubungi individu-individu tersebut untuk tindakan seterusnya.

4. Sehubungan dengan itu, dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 ini, MOSTI ingin mengesyorkan dan memohon kerjasama pihak YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan untuk menggunakan aplikasi MyTrace dan menggalakkan pengguna serta pelanggan perkhidmatan YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan memuat turun aplikasi MyTrace bagi membantu usaha Kerajaan memastikan pengesanan kontak (contact tracing) yang lebih berkesan dalam mengekang penularan wabak COVID-19. MyTrace boleh dimuat turun melalui Aplikasi MySejahtera atau melalui *Play Store* dan *Apple Store*. Bersama-sama ini dilampirkan surat daripada Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan tatacara muat turun aplikasi MyTrace untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.
5. Di atas kerjasama dan perhatian YB.Dato'/ YBhg.Dato'/Tuan/Puan dalam perkara tersebut diucapkan terima kasih.

Sekian.


“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia




KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
MALAYSIA

TEL : 603 - 8885 8021
FAKS : 603 - 8888 9000

Ruj. Fail: MESTECC.100-23/3/1 (32)
Tarikh: 30 April 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan,



PENGGUNAAN APLIKASI MYTRACE BAGI MENGAWAL PENULARAN WABAK COVID-19

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagai makluman YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui kerjasama strategik di antara Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), MIMOS Berhad, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC); bersama-sama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Google telah membangunkan aplikasi MyTrace iaitu aplikasi pengesahan kontak (*contact tracing*) menggunakan ciri *bluetooth* bagi mengawal penularan COVID-19.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan, aplikasi MyTrace merupakan aplikasi mudah alih pengesahan kontak (*contact tracing*) yang menggunakan pendekatan "dorongan masyarakat" (*community driven*) di mana telefon bimbit pengguna akan saling bertukar maklumat apabila berada dalam jarak 1-10 meter bergantung kepada capaian *bluetooth* telefon bimbit pengguna. MyTrace membolehkan identifikasi individu yang mempunyai kontak rapat (*close contact*) dengan individu yang telah disahkan positif COVID-19. Fungsi ini penting bagi membolehkan pihak KKM mengesan dan menghubungi individu-individu tersebut untuk tindakan seterusnya.

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan juga, MOSTI pada 22 April 2020 telah mengadakan sesi libat urus dengan wakil-wakil kementerian dan agensi Kerajaan serta beberapa wakil sektor swasta yang bertujuan untuk memaklum dan menghebahkan penggunaan aplikasi MyTrace selain memohon kerjasama semua pihak untuk membantu mengalakkan penggunaan aplikasi MyTrace ini.

5. Sehubungan dengan itu, dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 ini, MOSTI ingin mengesyorkan dan memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan untuk menggunakan aplikasi MyTrace dan menggalakkan pengguna serta pelanggan perkhidmatan YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/YM Tunku/Prof./Dr./Tuan/Puan memuat turun aplikasi MyTrace bagi membantu usaha Kerajaan memastikan pengesanan kontak (*contact tracing*) yang lebih berkesan dalam mengekang penularan wabak COVID-19. MyTrace boleh dimuat turun melalui Aplikasi MySejahtera atau melalui *Play Store* dan *Apple Apps Store*. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara muat turun aplikasi MyTrace untuk rujukan.

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dato' Indera/Dato' Sri/YM Tunku/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)



MyTrace

A preventive counter measure and contact tracing application for COVID-19.
Download now. Let's break the COVID-19 chain of infection!


Low Energy Bluetooth

ISO Secured & Lightweight

Detects Phone Number & Time Only

Government Approved

For Citizens & Residents In Malaysia



Now available at



For further details on MyTrace and technical assistance, please email
mytrace@mosti.gov.my

Fully owned by Government of Malaysia